

Status rizab Melayu kekal walau dibeli firma bukan Bumiputera

Ipoh: Status tanah rizab Melayu tidak akan hilang walaupun syarikat Bumiputera selaku pemilik asalnya berubah sama ada dibeli atau pegangan saham majoritinya berpindah milik kepada entiti bukan Bumiputera.

Perkara itu disahkan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad, sekali gus memberi jaminan status tanah rizab Melayu tidak akan sesekali terkesan apatah lagi terhapus disebabkan oleh perubahan pada milikan sebuah syarikat.

Memberi contoh tanah yang pernah dimiliki anak syarikat MARA Holdings Sdn Bhd (MARA Holdings) di Sitiawan, beliau status rizab Melayu tanah itu tidak berubah walaupun syarikat itu dibeli bukan Bumiputera.

“Umpamanya isu dibangkitkan MHO (Pertubuhan Kemanusiaan Masyarakat Antarabangsa Malaysia) mengenai apa berlaku di Sitiawan pada 2021 yang mana dahulunya tanah itu dipunyai anak syarikat kepada MARA Holdings yang asalnya entiti Bumiputera kemudian dijual kepada bukan Bumiputera.

“Walaupun syarikat bukan Bumiputera itu kini memiliki tanah yang dahulunya dipunyai anak syarikat MARA Holdings terabit, status tanah Rizab Melayu pada tanah tetap tidak berubah.

“Jadi tak timbul isu hendak kembalikan Rizab Melayu kerana statusnya masih kekal,” katanya ketika ditemui selepas menyampaikan juadah raya kerajaan negeri kepada pasukan beruniform di Bangunan Perak Darul Ridzuan, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas laporan akhbar mengenai wakil Jabatan Audit Negara yang meminta MHO menyerahkan memorandum mengenai isu pengurusan tanah rizab Melayu di Perak kepada Pejabat tanah dan galian (PTG) negeri.